

19/05/1997

Anwar pangku jawatan PM mulai hari ini

GEORGETOWN, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan akan memberi khidmat dengan baik ketika memangku jawatan Perdana Menteri selama dua bulan, mulai esok.

"Sebagai Pemangku Perdana Menteri, tanggungjawab utama saya adalah untuk meneruskan semua kerja baik yang dimulakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bagi saya, ini bukan sesuatu yang baru kerana sudah biasa menjalankan tanggungjawab memimpin kerajaan ketika ketiadaan Dr Mahathir, khususnya ketika beliau bercuti dan membuat lawatan kerja ke luar negara," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan Umno Pulau Pinang di sini, semalam.

Anwar berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau akan melakukan sebarang perubahan dalam dasar atau keputusan besar ketika memangku jawatan Perdana Menteri.

Menurutnya, sebelum ini pun, Dr Mahathir dan beliau sentiasa mengadakan rundingan dan membuat keputusan berdasarkan sebarang isu atau dasar kerajaan secara yang terbaik.

"Oleh itu, tidak sepatutnya timbul sebarang isu mengenai jawatan pemangku Perdana Menteri.

"Saya menyokong semua projek yang diilhamkan Perdana Menteri. Sebagai contoh, saya menyokong penuh projek Koridor Raya Multimedia yang diketuai sendiri oleh Dr Mahathir," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir yang berlepas ke luar negara malam ini untuk bercuti dan lawatan kerja selama dua bulan berkata, beliau menaruh kepercayaan penuh terhadap Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, Anwar akan diberi kuasa penuh selaku Pemangku Perdana Menteri untuk mentadbir negara.

Beliau juga berharap tidak ada pihak yang sengaja menjadikan cuti beliau selama dua bulan sebagai alasan untuk keluar daripada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

(END)